



GARIS PANDUAN PEMBANGUNAN PENAWARAN & PEMINDAHAN KREDIT MOOC

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

**EDISI
2023**

ISI KANDUNGAN

BAB 1: PENGENALAN

- | | | |
|-----|--------------------------------------|---|
| 1.1 | Tujuan Garis Panduan | 4 |
| 1.2 | Skop Garis Panduan dan Penggunaannya | 4 |

BAB 2: GARIS PANDUAN PEMBANGUNAN MOOC: GaPP23-01

- | | | |
|-----|-------------------------------|---|
| 2.1 | Pengenalan | 6 |
| 2.2 | Peranan Pembangun MOOC | 6 |
| 2.3 | Peranan UTM CDex | 6 |
| 2.4 | Peranan Jawatankuasa MOOC UTM | 7 |
| 2.4 | Proses Kerja Pembangunan MOOC | 7 |

BAB 3: GARIS PANDUAN PENAWARAN UTM-MOOC: GaPP23-02

- | | | |
|-----|---|----|
| 3.1 | Pengenalan | 9 |
| 3.2 | Peranan Pembangun, Fasilitator dan Pentaksir MOOC | 9 |
| 3.3 | Peranan UTM CDex | 10 |
| 3.4 | Peranan Fakulti | 10 |
| 3.5 | Peranan Pejabat Bendahari | 11 |
| 3.6 | Proses Kerja Penawaran MOOC | 13 |

BAB 4: GARIS PANDUAN PINDAH KREDIT UTM-MOOC: GaPP23-03

- | | | |
|-----|--|----|
| 4.1 | Pengenalan | 15 |
| 4.2 | Pengurusan Pemindahan Kredit | 16 |
| 4.3 | Kriteria Penganugerahan Pemindahan Kredit MOOC | 17 |
| 4.4 | Proses Kerja Pemindahan Kredit MOOC | 18 |
| 4.5 | Kadar Yuran Pemprosesan Pemindahan Kredit | 20 |

BAB 5: GARIS PANDUAN JAMINAN KUALITI MOOC: GaPP23-04

- | | | |
|-----|--------------------------------------|----|
| 5.1 | Pengenalan | 21 |
| 5.2 | Jaminan Kualiti Pembangunan UTM-MOOC | 21 |
| 5.3 | Jaminan Kualiti Penawaran UTM-MOOC | 22 |
| 5.4 | Jaminan Kualiti Pindah Kredit MOOC | 23 |

LAMPIRAN

- | | |
|---|----|
| Senarai Semak Jaminan Kualiti Pembangunan MOOC | 26 |
| Anggaran Pengiraan Masa Yang Diperuntukan Bagi Pembangunan Dan Penyampaian Sesuatu MOOC | 33 |
| Senarai Semak Pindah Kredit MOOC (Untuk Kegunaan Pemohon) | 34 |
| Senarai Semak Pemohon Bagi Pindah Kredit MOOC (Untuk Kegunaan Fakulti/PTJ) | 35 |

RUJUKAN	36
GLOSARI	37

BAB 1: PENGENALAN

Pusat Pemajuan Pendidikan Digital dan Fleksibel Universiti Teknologi Malaysia (UTM CDex), di bawah Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) telah diberi tanggungjawab untuk membantu staf akademik Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dalam membangun dan menawar *Massive Open Online Courses* (MOOC).

MOOC merupakan satu inovasi pembelajaran di mana akses terhadap kursus yang ditawarkan adalah secara terbuka dan atas talian. Penawaran kursus MOOC adalah secara besar-besaran yang merangkumi sehingga ratusan ribu pelajar dalam satu-satu masa. Kursus-kursus yang dijalankan juga tidak terikat dengan masa, di mana setiap pelajar boleh mengakses pendidikan di mana-mana tanpa mengira jurang waktu dan tempat.

Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia telah memulakan pelaksanaan MOOC di Malaysia dengan kerjasama dua puluh universiti awam termasuk UTM. Maka, garis panduan ini disediakan untuk membantu UTM membangunkan dan menawarkan MOOC secara lebih sistematik. Selain itu, panduan bagi pemindahan kredit MOOC juga disertakan untuk menggalakkan mobiliti pelajar. Mobiliti pelajar bermaksud pelajar dibenarkan mengambil beberapa kursus yang setara hasil pembelajarannya dengan kursus yang ditawarkan di universiti selain universiti asal iaitu sama ada universiti dalam negara (Universiti Awam, UA, Universiti Swasta, US) atau Universiti Luar Negara (ULN).

1.1 Tujuan Garis Panduan

Tujuan Garis Panduan ini adalah bagi memberi panduan kepada pembangunan dan penyampaian MOOC di kalangan staf, mengawal jaminan kualiti MOOC yang ditawarkan, menyokong dan mengiktiraf penawaran kursus secara terbuka di UTM, dan menggalakkan pembelajaran secara fleksibel, terbuka dan pembelajaran sepanjang hayat di kalangan pelajar.

1.2 Skop Garis Panduan dan Penggunaannya

Garis Panduan ini harus dibaca bersama-sama dengan penerbitan-penerbitan berikut dan mana-mana penerbitan yang berkaitan pada masa akan datang:

1. Garis Panduan Pembangunan dan Penyampaian MOOC Malaysia (GPPPM)
2. Garis Panduan Perpindahan Kredit MOOC (MoHE, 2016)
3. Garis Panduan Amalan Terbaik : Akreditasi Pengalaman Pembelajaran untuk Penganugerahan Kredit (APEL C) (MQA, 2016).
4. Dasar Pindah Kredit dan Pengecualian Kursus UTM (QRiM, 2017)
5. Polisi Pengajaran dan Pembelajaran UTM (UTM, 2005)

6. Peraturan Akademik Pengajian Siswazah (UTM, 2011)
7. Peraturan Akademik Sarjana Muda Sepenuh Masa UTM

BAB 2: GARIS PANDUAN PEMBANGUNAN MOOC: GaPP23-01

2.1 Pengenalan

Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia telah membangunkan Garis Panduan Pembangunan MOOC Malaysia, GPPMM (2016). Walau bagaimanapun, garis panduan berikut perlu turut diambil kira bagi pembangunan MOOC di peringkat UTM:

- 2.1.1 Semua permohonan untuk membangunkan MOOC di UTM hendaklah dibuat secara bertulis kepada UTM CDex untuk didaftarkan di bawah akaun institusi UTM-MOOC.
- 2.1.2 Hakcipta bagi semua bahan pembelajaran yang dibangunkan bagi MOOC adalah milik UTM.

2.2 Peranan Pembangun MOOC

Pembangun MOOC adalah merupakan individu atau pasukan yang merupakan pakar bidang dan bertanggungjawab untuk membangunkan bahan kursus sehingga boleh dilancarkan dan ditawarkan kepada umum. Berikut merupakan peranan-peranannya:

- 2.2.1 Digalakkan untuk membangunkan MOOC yang merujuk kepada bidang tujuan UTM iaitu Kejuruteraan dan Teknologi.
- 2.2.2 Digalakkan untuk membangunkan MOOC dengan kerjasama industri.
- 2.2.3 Menyemak senarai kursus yang telah ditawarkan secara MOOC di UTM supaya tidak terdapat pertindihan kursus yang sama di bawah akaun institusi UTM-MOOC.
- 2.2.4 Menghadiri bengkel pembangunan MOOC anjuran UTM CDex bagi membangunkan MOOC.
- 2.2.5 Membuat penilaian sendiri terhadap MOOC yang sedang dibangunkan bagi mengenalpasti kemajuan pembangunan MOOC.

2.3 Peranan UTM CDex

UTM CDex bertindak sebagai urusetia bagi keseluruhan proses pembangunan MOOC di UTM serta membantu Pembangun MOOC bagi menyediakan bahan pengajaran melalui kepakaran yang ada sebagai pereka instruksi, penerbit

rancangan, penyunting video, pereka grafik dan pembangun pelantar kursus. Berikut merupakan peranan-peranannya:

- 2.3.1 Merekodkan MOOC yang telah dibangunkan di UTM.
- 2.3.2 Menilai kesesuaian platform MOOC yang digunakan oleh UTM.
- 2.3.3 Menyediakan bengkel pembangunan MOOC secara berterusan sehingga MOOC yang lengkap dapat dibangunkan.
- 2.3.4 Memberi sokongan kepakaran kepada Pembangun MOOC semasa pembangunan MOOC.
- 2.3.5 Melantik barisan panel penilai (ahli Jawatankuasa MOOC UTM) untuk menilai kualiti MOOC yang telah dibangunkan sebelum ditawarkan kepada pelajar.

2.4 Peranan Jawatankuasa MOOC

Ahli Jawatankuasa MOOC dilantik oleh pihak Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) yang terdiri daripada wakil UTM CDex and mereka yang berpengalaman dalam pembangunan MOOC. Fungsi utama mereka adalah untuk membuat perancangan jangkamasa panjang penawaran dan pelaksanaan kursus MOOC di UTM termasuk menyediakan dokumen seperti polisi, prosedur yang berkaitan dengan pelaksanaan MOOC di UTM. Bagi proses pembangunan MOOC, berikut merupakan peranan jawatankuasa ini.


- 2.4.1 Menyemak dan meluluskan permohonan oleh Pembangun MOOC untuk membangunkan kursus MOOC dari semasa ke semasa.
- 2.4.2 Menyemak, menjamin kualiti dan meluluskan kursus MOOC yang akan ditawarkan oleh Pembangun MOOC dari semasa ke semasa.

2.5 Proses Kerja Pembangunan MOOC

Rujuk Rajah 1 bagi proses kerja yang digunakan bagi membangunkan MOOC di UTM yang melibatkan entiti seperti Pembangun MOOC, UTM CDex dan Jawatankuasa MOOC. Ia melibatkan proses seperti seminar, pendaftaran, latihan, pembangunan bahan, semakan dan pelancaran kursus.

- 2.5.1 Proses pembangunan bermula dengan sesi seminar atau webinar yang dianjurkan oleh UTM CDex bagi memberi pendedahan kepada warga universiti mengenai MOOC.
- 2.5.2 Bagi peserta seminar/webinar yang berminat, mereka boleh mendaftar dan seterusnya menghadiri kursus pembangunan MOOC yang dianjurkan UTM

CDex selama 1-2 hari. Semasa kursus ini, peserta perlu mengisi borang permohonan pembangunan MOOC.



Rajah 1: Proses Kerja Pembangunan MOOC di UTM

- 2.5.3 Ahli jawatankuasa MOOC yang dipilih akan dipertanggungjawabkan untuk menilai permohonan pembangunan MOOC tersebut dan memberi cadangan penambahbaikan sekiranya ada. Seterusnya, meluluskan permohonan sekiranya mencapai tahap yang memuaskan.
- 2.5.4 Setelah permohonan pembangunan MOOC diluluskan, Pembangun MOOC boleh meneruskan proses pembangunan kursus yang merangkumi pembangunan nota kuliah, aktiviti pembelajaran, pentaksiran, skrip video, video dan pelantar kursus.
- 2.5.5 Bahan pembelajaran yang dibangunkan oleh Pembangun MOOC akan disemak dari semasa ke semasa oleh UTM CDex sehingga mencapai tahap yang memuaskan.
- 2.5.6 Setelah semua bahan kursus siap dibangunkan dan disemak UTM CDex, semakan akhir akan dibuat oleh wakil Jawatankuasa MOOC menggunakan Senarai Semak Jaminan Kualiti Pembangunan MOOC (rujuk Lampiran A). Sebarang penambahbaikan yang diperlukan akan dimaklumkan semula kepada Pembangun MOOC. Sekiranya tiada, kelulusan akan diberikan.
- 2.5.7 Seterusnya pelantar kursus akan dibangunkan oleh UTM CDex dan dilancarkan melalui media sosial UTM CDex dan e-mail rasmi UTM.

BAB 3: GARIS PANDUAN PENAWARAN UTM-MOOC: GaPP23-02

3.1 Pengenalan

Penawaran MOOC dilakukan supaya pelajar UTM dan pelajar lain daripada luar UTM (dalam negara mahupun luar) dapat mengikuti kursus yang ditawarkan oleh UTM. UTM menggunakan model *pay to learn, pay to certify* membawa maksud bahawa pelajar boleh mendaftar dan belajar melalui MOOC yang ditawarkan secara percuma, namun perlu membayar sekiranya sijil pencapaian kursus ingin diperolehi. Sijil pencapaian ini adalah sijil yang diberikan atas permintaan pelajar setelah pentaksiran pembelajaran MOOC dibuat secara atas talian. Sijil ini boleh diperolehi dengan kadar bayaran yang ditetapkan oleh UTM seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1: Kadar bayaran Sijil Pencapaian MOOC

Jenis MOOC	Kadar Harga Sijil/Jam Kredit
Pra-Siswazah	RM 150
Pasca-Siswazah	RM 350

3.2 Peranan Pembangun, Fasilitator dan Pentaksir MOOC

Pembangun MOOC boleh berperanan sebagai Fasilitator dan Pentaksir MOOC semasa penawaran MOOC. Pembangun MOOC juga dibenarkan untuk melantik fasilitator atau pentaksir dalam kalangan staf UTM yang berstatus aktif bagi membantu proses menyelia dan menyelenggara perjalanan kursus sepanjang penawaran MOOC. Berikut adalah peranan pembangun, fasilitator dan pentaksir bagi penawaran MOOC:

- 3.2.1 Pembangun MOOC mengenalpasti dan melantik fasilitator dan pentaksir serta membuat pembahagian tugas bagi MOOC yang ditawarkan.
- 3.2.2 Memaklumkan kepada Fakulti tentang kod kursus setara MOOC bagi tujuan rekod beban pengajaran MOOC.
- 3.2.3 Memastikan agar tempoh/durasi penawaran MOOC telah ditetapkan.
- 3.2.4 Menetapkan mod penawaran MOOC (samaada *self-paced*, atau berdurasi tertentu).
- 3.2.5 Fasilitator MOOC perlu melibatkan diri dengan interaksi bersama pelajar secara berkala sehingga penawaran MOOC selesai.
- 3.2.6 Pentaksir MOOC perlu menyemak serta menilai tugas dan aktiviti pelajar.

- 3.2.7 Pembangun MOOC melaporkan maklumat pelajar yang ingin memohon pemindahan kredit MOOC (sekiranya ada) kepada Fakulti dan UTM CDex.
- 3.2.8 Fasilitator MOOC mengesahkan dan menyerahkan sijil tamat kursus MOOC kepada pelajar melalui sistem MOOC.
- 3.2.9 Sekiranya mod penawaran MOOC adalah dalam durasi tertentu, Fasilitator MOOC hendaklah memastikan semua pelajar dimaklumkan sekurang-kurangnya satu (1) minggu sebelum tamat tempoh penawaran MOOC.
- 3.2.10 Pembangun/Fasilitator MOOC bertanggungjawab untuk memaklumkan kepada UTM CDex sekiranya terdapat sijil pencapaian MOOC yang telah dibayar setelah pelajar menamatkan kursus.

3.3 Peranan UTM CDex

UTM CDex bertanggungjawab sebagai urusetia bagi penawaran MOOC ini termasuk mengawal selia pelantar MOOC serta membuat promosi secara berkala. Peranan spesifik UTM CDex adalah seperti berikut:

- 3.3.1 Menyediakan dokumen persetujuan agihan bayaran dengan Pembangun, Fasilitator dan Pentaksir MOOC.
- 3.3.2 Memastikan Fakulti dan Pembangun MOOC bersedia untuk penawaran MOOC.
- 3.3.3 Mengeluarkan surat makluman kelulusan penawaran kursus MOOC kepada Pembangun MOOC dan Fakulti.
- 3.3.4 Membuat hebahan sekurang-kurangnya dua (2) minggu sebelum MOOC ditawarkan.
- 3.3.5 Mengemaskini status bilangan sijil berbayar yang diterima bagi setiap kohort penawaran daripada pelantar MOOC.
- 3.3.6 Menyediakan dokumen bagi tujuan tuntutan kepada pihak platform MOOC.
- 3.3.7 Memberikan arahan kepada Pejabat Bendahari UTM untuk membuat agihan kepada pihak-pihak bertanggungjawab yang terlibat.

3.4 Peranan Fakulti

Fakulti turut terlibat dalam proses penawaran MOOC di UTM. Berikut adalah peranan Fakulti iaitu:

- 3.4.1 Menyemak beban kerja pensyarah/staf yang terlibat bagi pengajaran MOOC yang akan ditawarkan.
- 3.4.2 Membantu menyebarkan luas maklumat MOOC yang ditawarkan.
- 3.4.3 Menyenaraikan kursus MOOC yang ditawarkan oleh pensyarah yang terlibat dalam jadual kuliah pensyarah pada semester yang berkaitan.
- 3.4.4 Merekodkan beban pengajaran MOOC oleh pensyarah dengan nilai kredit yang diperolehi (*teaching equivalent*) seperti dalam Jadual 2.
- 3.4.5 Pengajaran ber kredit terhadap kursus di bawah kategori kemahiran hanya boleh diberi apabila terdapat sekurang-kurangnya 400 penyertaan pelajar dan sekurang-kurangnya 30 orang pelajar berjaya melengkapkan keseluruhan MOOC (aktiviti dan tugas) yang ditawarkan. Syarat yang ditetapkan adalah seumpama Hadir wajib (HW). Syarat ini tidak dikenakan kepada kursus di bawah kategori umum dan tujahan. Kaedah pengiraan nilai kredit setara MOOC ditunjukkan dalam Lampiran B.

Jadual 2: Kategori pengiktirafan beban kredit pengajaran MOOC bagi pensyarah

Bil.	Kursus MOOC	*eLPPT Pengajaran: Sub-Komponen 1	*eLPPT Pengajaran: Sub-Komponen 2	Nilai Kredit
1.	Kursus umum	✓		• Kredit sama seperti pengkuliahan
2.	Kursus tujahan	✓		
3.	Kursus kemahiran		✓	• 2 kredit

*Tertakluk pada ketetapan semasa pihak Universiti

3.5 Peranan Pejabat Bendahari UTM

Pejabat Bendahari UTM turut mempunyai peranan semasa penawaran MOOC seperti berikut:

- 3.5.1 Membuat tuntutan bayaran kepada pihak penawar pelantar MOOC (contoh: *OpenLearning/Coursera/Future Learn* dan lain-lain) bagi setiap kohort.
- 3.5.2 Mengagihkan bayaran sijil berbayar kepada pemegang taruh yang terlibat berdasarkan peratus pembahagian yang telah dipersetujui.
- 3.5.3 Bagi setiap pembayaran yang diterima bagi satu sijil pencapaian, Pejabat Bendahari UTM perlu membuat agihan pembayaran kepada pemegang taruh seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.

3.5.4 Agihan di Jadual 3 adalah tertakluk kepada cara pembayaran dibuat sama ada melalui pelantar MOOC, melalui pihak penyedia atau melalui invoice secara terus ke pihak Universiti, melalui UTM CDex. Sekiranya melalui cara, pertama, 10% kos *payment gateway* dan cukai akan dikenakan oleh pihak penyedia pelantar.

3.5.5 Contoh agihan keuntungan berdasarkan kedua-dua cara pembayaran sijil pencapaian boleh dilihat di Jadual 4 (a) dan (b).

Jadual 3: Agihan Pembayaran Sijil Pencapaian MOOC kepada Pemegang Taruh

Pemegang Taruh	Peratus Agihan (%)
Pengurusan UTM	15
UTM CDex	10
Fakulti	15
Pembangun MOOC	30
Fasilitator MOOC	15
Penilai MOOC	15
Jumlah	100

Jadual 4 (a): Contoh Agihan Keuntungan Kos Operasi Sijil Pencapaian MOOC - Bayaran Sijil Melalui Pelantar

Status Kursus	Harga Sijil	Caj Pelantar (%)	Jumlah Agihan (RM)	Peranan	Peratus Agihan (%)	Jumlah Bayaran (RM)
Pasca-Siswazah (3 jam kredit)	RM 1050	10%	RM 948	Universiti	15	142.20
				UTM CDex	10	94.80
				Fakulti	15	142.20
				Pembangun	30	284.40
				Fasilitator	15	142.20
				Penilai	15	142.20
				Jumlah	100	948


Jadual 4 (b): Contoh Agihan Keuntungan Kos Operasi Sijil Pencapaian MOOC - Bayaran Sijil Melalui Invoice

Status Kursus	Harga Sijil	Caj Pelantar (%)	Jumlah Agihan (RM)	Peranan	Peratus Agihan (%)	Jumlah Bayaran (RM)
Pasca-Siswazah (3 jam kredit)	RM 1050	0%	RM 1050	Universiti	15	157.50
				UTM CDex	10	105.00
				Fakulti	15	157.50
				Pembangun	30	315.00
				Fasilitator	15	157.50
				Penilai	15	157.50
				Jumlah	100	948

3.6 Proses Kerja Penawaran MOOC

Rujuk Rajah 2 bagi proses kerja yang digunakan bagi penawaran MOOC di UTM yang melibatkan entiti seperti Fasilitator dan Pentaksir MOOC, UTM CDex, Fakulti dan Pejabat Bendahari UTM. Ia melibatkan proses seperti hebahan, pendaftaran peserta, pemantauan, penilaian serta pentaksiran, pemberian sijil dan seterusnya agihan keuntungan (sekiranya ada) kepada semua pemegang taruh.

3.6.1 Proses penawaran bermula dengan pemberian surat kelulusan bagi penawaran MOOC oleh pihak Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) melalui UTM CDex kepada Pembangun MOOC.



Rajah 2: Proses Kerja Penawaran MOOC di UTM

3.6.2 Seterusnya Pembangun MOOC perlu menetapkan tempoh bagi penawaran kursus sama ada ingin menawarkannya sepanjang masa (diperbaharui setiap tahun), mengikut semester atau untuk jangka masa tertentu.

3.6.3 Berdasarkan masa yang telah ditetapkan, maklumat hebahan akan disediakan dan disebarkan melalui media sosial rasmi UTM CDex, Fakulti dan UTM.

3.6.4 Melalui hebahan yang dibuat, orang ramai yang berminat akan mendaftar sebelum kursus dimulakan.

3.6.5 Apabila kursus bermula, fasilitator dan pentaksir akan mengendalikan kursus sehingga selesai. Sekiranya kursus ditawarkan sepanjang tahun, fasilitator dan pentaksir boleh memantau perjalanan kursus secara berkala.

3.6.6 Bagi pelajar yang telah selesai kursus dan memerlukan sijil, fasilitator dan pentaksir perlu mengesahkan sama ada pelajar telah menyelesaikan semua aktiviti dan mendapat markah yang melayakkan pelajar untuk mendapatkan sijil pencapaian.

- 3.6.7 Setelah kursus selesai, atau secara berkala, sekiranya ada pembelian sijil, keuntungan hasil daripada jualan sijil akan diagihkan oleh Pejabat Bendahari UTM kepada pihak Universiti, Fakulti, Pembangun MOOC, Fasilitator dan Pentaksir MOOC serta UTM CDex.
- 3.6.8 Sebelum kursus MOOC ditawarkan semula, analisa keberkesanan kursus dilakukan melalui tinjauan yang telah diisi oleh pelajar yang telah menyelesaikan kursus.

BAB 4: GARIS PANDUAN PINDAH KREDIT UTM- MOOC: GaPP23-03

4.1 Pengenalan

Pindah kredit MOOC membolehkan jumlah kredit bagi kursus MOOC yang diikuti diambilkira sebagai sebahagian daripada jumlah kredit untuk bergraduan (bagi Pelajar UTM) tetapi tidak digunakan bagi pengiraan *Grade Point Average* (GPA)/*Cumulative Grade Point Average* (CGPA) bagi program yang diikuti. Pelajar aktif UTM boleh memohon untuk pindah kredit MOOC secara *horizontal* sekiranya mereka telah melengkapkan MOOC samada ditawarkan oleh UTM atau institusi lain (MoHE, 2016). Pindah kredit MOOC juga boleh berlaku secara *vertikal* dengan merujuk dokumen Garis Panduan Perpindahan Kredit MOOC (MoHE, 2016) dan Garis Panduan Amalan Terbaik: Akreditasi Pengalaman Pembelajaran untuk Penganugerahan Kredit (APEL C) (MQA, 2016).

Proses pindah kredit MOOC adalah berdasarkan prosedur yang dinyatakan dalam Garis Panduan Perpindahan Kredit MOOC (MoHE, 2016). Garis panduan ini menerangkan pindah kredit MOOC secara *horizontal*. Bagi pelajar berstatus 'Aktif' di UTM, beberapa perkara tambahan perlu diambil kira oleh pelajar, Pembangun MOOC, dan Fakulti dalam menguruskan proses pindah kredit MOOC secara *horizontal* iaitu:

- 4.1.1 Pemohon yang ingin memohon pindah kredit MOOC mempunyai status 'Pelajar Aktif' di UTM.
- 4.1.2 Pemohon boleh memilih pembelajaran dari mana-mana pelantar MOOC yang diiktiraf oleh UTM bagi tujuan pemindahan kredit MOOC seperti *Edx*, *Coursera* dan *FutureLearn*. UTM juga berhak menentukan pelantar MOOC yang layak untuk pindah kredit MOOC dari semasa ke semasa.
- 4.1.3 Sijil MOOC yang digunakan untuk permohonan pindah kredit masih dalam tempoh sah laku lima (5) tahun dari tarikh permohonan.
- 4.1.4 Pelajar yang telah memperoleh *Certificate of Completion/Achievement* dari mana-mana MOOC dan ingin melakukan Pindah Kredit MOOC perlu mengisi borang permohonan dan menjalani ujian pentaksiran secara bersemuka di Fakulti masing-masing. Senarai semak bagi permohonan pindah kredit MOOC bagi pemohon boleh dirujuk dalam Lampiran C.
- 4.1.5 Pelajar dikehendaki membayar yuran pemprosesan permohonan Pindah Kredit MOOC di UTM bagi permohonan Pindah Kredit MOOC.
- 4.1.6 Kursus MOOC yang diambil hanya dibenarkan dipindah kredit secara Pindah Kredit MOOC sekali sahaja untuk satu kursus bagi sesuatu program. Pemohon perlu membuat pengesahan yang menyatakan bahawa dirinya

tidak pernah memohon pindah kredit bagi sijil tamat/pencapaian MOOC (*certificate of completion/achievement*) yang telah diperolehinya.

- 4.1.7 Jumlah maksimum bagi pindah kredit bagi pelajar pasca siswazah UTM adalah 50% daripada komponen kerja kursus program berkenaan. Sila rujuk Peraturan Akademik Pengajian Siswazah UTM.
- 4.1.8 Permohonan pindah kredit MOOC bagi pelajar UTM perlu dibuat selewat-lewatnya sebelum/pada minggu ke-8 semester akademik.

4.2 Pengurusan Pemindahan Kredit

Bagi urusan pemindahan kredit MOOC secara *horizontal*, pihak yang terlibat di UTM adalah pemohon (pelajar), Pembangun MOOC, Fakulti (Penyelaras Program, Timbalan Dekan Akademik/Dekan Fakulti) dan UTM CDex.

- 4.2.1 Peranan pihak yang terlibat bagi proses pindah kredit MOOC ditunjukkan dalam **Jadual 5**.

Jadual 5: Peranan Pihak yang Terlibat bagi Proses Pindah Kredit MOOC

Bil.	Individu/Organisasi	Peranan
1.	Pemohon (Pelajar)	<ul style="list-style-type: none"> Mengenalpasti kursus setara MOOC bagi tujuan pindah kredit dengan merujuk kepada Fakulti. Menyediakan keperluan pindah kredit MOOC berdasarkan Senarai semak seperti dalam Lampiran D.
2.	Pakar Bidang	<ul style="list-style-type: none"> Menyemak pemetaan hasil pembelajaran kursus. Menyemak <i>Student Learning Time</i>. Menyemak kesetaraan jumlah jam kredit MOOC.
3.	Penyelaras Program	<ul style="list-style-type: none"> Menerima permohonan pemindahan kredit MOOC dari pemohon. Menyemak dokumen permohonan. Menyelaras pentaksiran secara bersemuka di peringkat Fakulti (sekiranya perlu).
4.	Timbalan Dekan Akademik/Dekan Fakulti	<ul style="list-style-type: none"> Mengesahkan pencapaian hasil pembelajaran. Mengesahkan permohonan pindah kredit MOOC.

5.	Fakulti	<ul style="list-style-type: none"> • Memproses permohonan pemohon. • Mengesahkan identiti pemohon. • Menjalankan pentaksiran secara bersemuka (sekiranya perlu). • Menerima bayaran yuran pemindahan kredit MOOC. • Mengeluarkan sijil kelulusan pindah kredit MOOC. • Membuat agihan bayaran yuran pemindahan kredit MOOC kepada pemegang taruh.
6.	UTM CDex	<ul style="list-style-type: none"> • Menyelaras pentaksiran secara bersemuka (sekiranya perlu). • Menyimpan rekod pindah kredit MOOC bagi setiap Fakulti.

4.3 Kriteria Penganugerahan Pemindahan Kredit MOOC

- 4.3.1 Penganugerahan pemindahan kredit MOOC secara *horizontal* hendaklah diproses di peringkat Fakulti.
- 4.3.2 Panel Fakulti yang terdiri daripada Pakar Bidang dan Penyelaras Program hendaklah memastikan pemindahan kredit MOOC memenuhi kriteria yang dinyatakan dalam Garis Panduan Perpindahan Kredit MOOC (MQA, 2017).
- 4.3.3 Fakulti perlu memastikan kualiti MOOC, keperluan kandungan kursus dan kesetaraan kredit, pengesahan identiti pemohon dan pengesahan pencapaian hasil pembelajaran hendaklah dipenuhi bagi membolehkan penganugerahan pemindahan kredit.
- 4.3.4 Pengesahan pencapaian hasil pembelajaran hendaklah dijalankan oleh Fakulti. Pemetaan hasil pembelajaran MOOC mesti mempunyai minimum kesetaraan dengan kursus sedia ada sebanyak 80%.
- 4.3.5 Pemohon hendaklah menduduki pentaksiran MOOC secara bersemuka yang dijalankan oleh Fakulti atau UTM untuk tujuan bagi mengesahkan identiti pelajar. Gred lulus bagi pentaksiran ini adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 6.

Jadual 6: Gred Lulus bagi *Onsite Proctoring*

Tahap	Minimum Gred Lulus
Pra-Siswazah	C
Pasca-Siswazah	B

- 4.3.6 Pentaksiran secara bersemuka (termasuk secara *online synchronous*) boleh dijalankan oleh Fakulti/UTM CDex menggunakan jenis-jenis pentaksiran yang berikut:
- Pentaksiran berbentuk Lisan.
 - Pentaksiran Bertulis.
 - Pentaksiran Produk.
 - Pentaksiran Prestasi.


Pemohon boleh mengemukakan bukti pembelajaran seperti berikut dan lain-lain bukti sekiranya diminta oleh Fakulti bagi menepati keperluan kursus.

- Portfolio,
- Rakaman Video,
- Dokumen,
- Model,
- Prototaip,

4.4 Proses Kerja Pemindahan Kredit MOOC

Proses pindah kredit MOOC secara *horizontal* bermula apabila pemohon mengisi borang permohonan pindah kredit dan membayar yuran proses permohonan kepada Fakulti/ PTJ dan berakhir dengan pemakluman oleh Fakulti samada pindah kredit MOOC diluluskan atau tidak.

- 4.4.1 Rajah 3 menunjukkan carta alir proses kerja pindah kredit MOOC secara *horizontal* di UTM.
- 4.4.2 Proses bermula apabila pelajar membuat permohonan di Fakulti dengan mengisi borang.
- 4.4.3 Seterusnya pihak Fakulti akan menyemak kelayakan pemohon untuk pindah kredit. Sekiranya tidak layak, permohonan akan ditolak.
- 4.4.4 Sekiranya pelajar layak, semakan seterusnya adalah dari segi kesetaraan kursus MOOC yang telah diambil dengan kursus akademik yang ingin dipindah kredit. Kesetaraan yang dibenarkan adalah minima 80%. Sekiranya kesetaraan kurang daripada 80%, permohonan akan ditolak.
- 4.4.5 Sekiranya permohonan berjaya melepasi kedua-dua tapisan, pelajar dikehendaki membayar yuran pemprosesan bagi pindah kredit.
- 4.4.6 Setelah bayaran di buat, pihak Fakulti memaklumkan UTM CDex untuk meneruskan dengan proses pentaksiran bersemuka. Pihak Fakult juga boleh menguruskan proses ini sendiri.
- 4.4.7 Seterusnya lantikan penyedia soalan dan pentaksir dilakukan oleh pihak Fakulti/UTM CDex.



Rajah 3: Proses Kerja Pindah Kredit MOOC di UTM

- 4.4.8 Fakulti/UTM CDex menetapkan tarikh dan masa pentaksiran serta memaklumkan kepada pelajar.
- 4.4.9 Seterusnya penilai menjalankan pentaksiran dengan dihadiri wakil Fakulti/UTM CDex (tidak wajib). Setelah pentaksiran dijalankan, penilai akan memaklumkan Fakulti/UTM CDex keputusan pentaksiran tersebut.
- 4.4.10 Sekiranya pelajar gagal, pihak Fakulti akan memaklumkan pelajar dan seterusnya permohonan pindah kredit dikira tidak berjaya. Sekiranya UTM CDex yang menguruskan proses pentaksiran, UTM CDex perlu memaklumkan Fakulti mengenai keputusan pentaksiran tersebut.
- 4.4.11 Bagi pelajar yang lulus, Fakulti perlu memaklumkan kepada pemohon secara bertulis tentang status permohonan pindah kredit MOOC pemohon.
- 4.4.12 Keputusan pindah kredit tanpa gred yang berjaya Pindah Kredit MOOC akan dimasukkan dalam transkrip akademik pelajar sebagai Kredit Dapat.
- 4.4.13 Pemohon boleh membuat rayuan sebanyak satu kali (berbayar) sekiranya permohonan pindah kredit MOOC tidak berjaya. Polisi rayuan pindah kredit sedia ada di UTM akan digunapakai. Keputusan rayuan adalah muktamad.

4.5 Kadar Yuran Pemprosesan Pemindahan Kredit

4.5.1 Pemohon dikehendaki membayar yuran pemindahan kredit MOOC berdasarkan kadar yang ditetapkan mengikut jam kredit kursus dan jenis MOOC yang diikuti seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 6.

Jadual 6. Kadar Yuran Pindah Kredit

Status Pelajar	Jenis MOOC	Yuran/Jam Kredit	Contoh
Pra-Siswazah	MOOC ditawarkan Universiti di Malaysia	RM 50	Bagi kursus setara 3 jam kredit, yuran = RM 150
	MOOC yang bukan ditawarkan Universiti di Malaysia	RM 80	Bagi kursus setara 3 jam kredit, yuran = RM 240
Pasca-Siswazah	MOOC ditawarkan Universiti di Malaysia	RM 80	Bagi kursus setara 3 jam kredit, yuran = RM 240
	MOOC yang bukan ditawarkan Universiti di Malaysia	RM 100	Bagi kursus setara 3 jam kredit, yuran = RM 300
Rayuan	Semua jenis MOOC	RM 50	

4.5.2 Bagi yuran pindah kredit MOOC, Fakulti hendaklah mengagihkan hasil pembayaran pindah kredit kepada pembangun kertas soalan, pentaksir dan Fakulti. Agihan yuran pindah kredit dirujuk dalam **Jadual 7** dan tertakluk kepada pindaan dari semasa ke semasa.

Jadual 7: Agihan Yuran Pindah Kredit MOOC

Peranan	Peratus Agihan, %
Pembangun Kertas Soalan	15
Pentaksir	15
Fakulti	50
Universiti	20

4.5.3 Bagi urusan pentaksiran yang dijalankan UTM CDex, agihan sebanyak 5% daripada pecahan Fakulti akan dibuat kepada UTM CDex.

BAB 5: GARIS PANDUAN JAMINAN KUALITI MOOC: GaPP23-04

5.1 Pengenalan

